



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	PERHILITAN		

Pemburu haram dalam radar PDRM

Ketua Polis Negara kenal pasti beberapa sindiket yang aktif

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti petualang dalam kalangan warga tempatan yang terlibat dalam sindiket pemburuan haram.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, terdapat warga tempatan bergerak aktif dalam beberapa sindiket yang telah dikenal pasti.

Katanya, mereka ini dalam pengawasan pasukan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dan tangkapan akan dibuat setelah cukup bukti terkumpul untuk diambil tindakan.

"Tidak dinafikan terdapat pembabit warga tempatan dalam pemburuan haram.

"Sepanjang OBK, seramai 115 orang warga tempatan telah ditangkap sepanjang tahun 2020 hingga Ogos tahun ini dengan nilai rampasan sebanyak RM1.6 juta di seluruh negara," katanya kepada kru *Rasiah Busters*.

Mengulas berkenaan jati diri dan integriti warga tempatan yang terlibat dalam jenayah pemburuan haram ini, Acryl Sani berkata, individu terlibat dalam aktiviti pemburuan haram ini adalah manusia yang mementingkan diri sendiri.

"Individu ini tamak dan sanggup melihat haiwan dan tumbuhan ini pupus selagi menguntungkan mereka. Mereka juga



Operasi Perhilitan berjaya menagih pemburu haram yang menjual kulit harimau di pasaran gelap.



ACRYL SANI

atau impak kepada kitaran biodiversiti dan kelompongan dihasilkan melalui tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

"Oleh kerana sifat tamak dan peningkatan diri sendiri yang ada pada pemburu haram ini, maka OBK dilancarkan dan akan terus menjalankan operasi untuk mengekang aktiviti mereka demi menjaga khazanah alam," ujarnya.

Tambah beliau, pihak kerajaan tidak akan mengambil pendekatan sambil lewa untuk menghapuskan kegiatan terbahit.

Tegasnya, setiap tindakan jenayah pemburuan haram akan diambil tindakan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Imigresen (sekiranya mereka adalah orang asing), Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar Sabah 1997 dan Ordinan Perlindungan Hidupan Liar Sarawak 1998.

"Selain itu, PDRM juga akan menyasat mereka yang terlibat dalam perniagaan jual beli hidupan liar ini di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

"Selain itu Polis Antarabangsa (Interpol) dan Polis ASEAN (Aseanapol) juga akan digunakan untuk mengesan sindiket antarabangsa yang membeli dan menjual khazanah negara ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyeru orang ramai untuk menyalurkan maklumat kerana ia amat penting agar sesuatu operasi yang dijalankan dapat membahayakan hasil tangkapan serta rampasan supaya mereka yang terlibat ini dapat dituduh di mahkamah.

POPULASI TERKINI

Nama	Anggaran populasi
Gajah (elephas maximus)	1,000 - 1,100
Seladang (bos gaurus)	150 - 200
Harimau belang (panthera tigris)	< 200
Tapir (tapirus indicus)	700 - 800
Rusa sambar (rusa unicolor)	350 - 400
Kijang (muntiacus muntjak)	2,000 - 2,500
Kambing gurun (capricornis sumatraensis)	250 - 500
Botak ueph (mycteria cinerea)	< 10
Botak kecil (leptoptilos javanicus)	1,000 - 1,500

NILAI HIDUPAN LIAR DI PASARAN GELAP

Spesies	Nilai (RM)
Harimau dahan	RM23,629 di China
Harimau kumbang	RM20,727
Tanduk badak sumbu	RM269,450/kg
Harimau belang (jantani)	RM207,269
Gajah	RM116,900
Gading gajah	RM7,461
Orang utan	RM186,544
Burung hantu	RM1,036 di India
Tenggingling	RM4,145
Daging tenggingling	RM1,243/kg

STATISTIK OPERASI BERSEPADU KHAZANAH (OBK)

TAHUN	2019	2020	Tahun 2021 (sehingga Julai)
Bilangan operasi	7	20	7
Bilangan kes	36	76	47
Jumlah jerat	460	672	249
Tangkapan	33 orang warga tempatan	101 orang warga tempatan	80 orang warga tempatan
Nilai sitaan	RM2.7 juta	RM1.8 juta	RM1.2 juta



"Maklumat ini boleh disalurkan kepada semua balai polis berhampiran, Pejabat Perhilitan di Semenanjung Malaysia, Pejabat Sarawak Forestry Corporation di Sarawak dan juga Pejabat Sabah Wildlife di Sabah.

"Orang awam juga boleh menggunakan semua platform media sosial untuk menyalurkan sebarang maklumat," katanya.

Beliau juga mengambil kesempatan ini mengajak orang ramai memboikot membeli sebarang hasil mahupun perhiasan yang diperbuat daripada bahan atau bahagian yang diperolehi daripada binatang liar hampir pupus.

"Mengambil ungkapan dalam Bahasa Inggeris 'when the buying stops, the killing can too'. Kita perlu ingat, bahawa khazanah-khazanah alam ini, akan diwariskan kepada generasi kita akan datang.

"Sekiranya eksploitasi ini tidak dihentikan, maka generasi yang akan datang hanya akan dapat melihat haiwan-haiwan liar ini di muzium, majalah dan juga di media massa seperti mana kita menyaksikan badak sumbu Sumatera yang telah pupus di bumi Malaysia," katanya.



Belalang natabari antara spesies haiwan liar yang turut menjadi sasaran pemburu haram.

